











[Campus Life](#)

Aktiviti kesukarelawanan dekat di hati Muhammad Alif

26 June 2018

Kuantan, 25 Jun - Semangat kesukarelawanan perlu dipupuk pada peringkat awal dalam diri setiap mahasiswa dan inilah antara proses pembelajaran secara tidak formal selain usaha untuk memantapkan diri mahasiswa.

Demikian pandangan Muhammad Alif Mahiddin, 24, yang juga pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia di Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai aktiviti kesukarelawanan yang diceburinya.

“Sebagai mahasiswa kita harus mempersiapkan diri dengan melengkapkan ilmu yang bukan sahaja ditimba melalui aktiviti pembelajaran dalam bilik kuliah semata-mata, bahkan juga harus menimba pengalaman luar kampus melalui aktiviti bersama masyarakat,” katanya.

Muhammad Alif yang lebih senang disapa sebagai Alif itu berkata, mahasiswa juga mampu menjadi contoh terbaik kepada masyarakat. Program kesukarelawanan mampu melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab terhadap isu sosial kerana kita perlu membabitkan diri secara langsung bagi menyelesaikan masalah ketidakseimbangan dalam masyarakat.

Anak kelahiran Pasir Gudang Johor itu berkata, aktiviti luar kuliah sangat penting dalam membentuk keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunia luar di samping dapat mengajar erti kehidupan sebenar.

Menurutnya, beliau bertuah apabila pihak universiti juga banyak menganjurkan program khidmat sosial dalam menjayakan inisiatif MyGift dan Universiti Komuniti yang memberikan peluang seluas-luasnya buat mahasiswa untuk berkecimpung dalam dunia kesukarelawanan.

Beliau turut berkongsi pengalaman berharganya dalam mengetuai program Community Economic Development Program (CEDP) yang mana kumpulan membantu memberi bimbingan, galakan dan motivasi terhadap golongan mualaf di Kampung Sepinang Segamat dalam aktiviti penanaman Cendawan Volvariella sehingga mampu mengubah kehidupan keluarga mereka.

Usaha ini bukan sahaja memberi pulangan pendapatan untuk penduduk kampung terbabit malah telah memberi pendedahan kepada mereka tentang ilmu pertanian dan perniagaan.

Tambahnya, impak program tersebut dapat dilihat menerusi kejayaan program tersebut apabila mahasiswa membantu dalam meningkatkan kemahiran dan pendapatan golongan tersebut. Secara tidak langsung ianya memberikan impak yang positif kepada masyarakat.

Walaupun kadangkala aktiviti kesukarelawanan ini memerlukan pengorbanan terutamanya dari segi cuti semester namun ianya tidak menghalang beliau meneruskan minat dalam usaha membantu golongan yang memerlukan.

Pengalaman Alif dalam program lain termasuklah Kem Interaksi Pemimpin Muda, Projek Kilauan Mutiara dan Program Kecemerlangan Perintis Muda Pahang serta program luar negara Global Student Outreach Thailand dan Jepun ini pastinya akan sentiasa dikenang sepanjang hayatnya. Malahan beliau juga berhasrat akan terus diberi kesempatan untuk menabur bakti setelah menamatkan pengajian dan bekerjaya kelak.

Biodata :

Asal : Pasir Gudang, Johor

Tarikh Lahir : 30 Julai 1994

Tempat Lahir: Johor Bahru

Adik Beradik : 2

Moto : Desire is nothing without discipline

Pencapaian :

?Anugerah Perak

Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (CITREX) 2018.

? Anugerah Pelajar Khidmat Komuniti Terbaik

Majlis Anugerah Kokurikulum & Sanjungan Pelajar 2017 UMP

? Anugerah Perak

Kongres Duta Jauhar 3.0

? Anugerah Gangsa

Kongres Duta Jauhar 2.0

Disediakan Nor Salwana Mohd. Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat

- 123 views

[View PDF](#)